

FATWA BERKAITAN PENGKID DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

DR. NORA'INAN BAHARI, DR. AHMAD MISBAH MOHAMAD HILMI & DR.
AZIZAH MAT RASHID

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
E-mel: norainan@kuis.edu.my, ahmadmisbah@kuis.edu.my & azizahrashid@kuis.edu.my

ABSTRAK

Golongan pengkid merupakan satu istilah atau slanga yang digunapakai di Malaysia merujuk kepada seorang wanita yang berpenampilan seperti seorang lelaki dan mempunyai orientasi seksual yang tertarik kepada sesama jantina. Fenomena pengkid di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu, namun begitu kewujudan fenomena ini masih lagi dianggap terpencil dalam kalangan masyarakat, walaupun perlakuan pengkid ini secara jelasnya bertentangan dengan syarak, fitrah dan budaya di Malaysia tetapi ianya kini semakin berleluasa. Bahkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-83, yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah memutuskan bahawa pengkid adalah haram di sisi agama. Oleh itu kajian ini akan menganalisis fatwa berkaitan pengkid di Malaysia termasuk fatwa di peringkat negeri untuk melihat penghujahan yang digunakan dalam memutuskan hukum terhadap pengkid bagi mengelakkan kekeliruan dan menambahkan keyakinan dalam masyarakat. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap himpunan fatwa berkaitan dengan pengkid. Hasil kajian mendapati penghujahan fatwa dalam isu pengkid menggunakan pelbagai sumber hukum yang boleh menjadi sandaran kepada undang-undang yang digubal.

Kata kunci: *Pengkid, Fatwa, Muzakarah, Himpunan, Keputusan Hukum*

PENDAHULUAN

Secara umumnya istilah pengkid merujuk kepada istilah slanga yang digunapakai dalam kalangan masyarakat yang membawa maksud wanita yang berpewatakan, berpakaian, berkelakuan dan mempunyai naluri seperti seorang lelaki (Hasmira, 2017). Seorang pengkid cenderung untuk menjalinkan hubungan dengan seorang wanita dengan berperanan sebagai orang lelaki maskulin. Perhubungan yang terjalin di antara mereka sama sebagaimana hubungan seorang wanita dan seorang lelaki tulen sehingga ke tahap melakukan hubungan seks. (Zhooriyati & Intan, 2015). Berbeza dengan istilah *tomboy*, istilah ini pula merujuk kepada wanita yang berpewatakan dan berpakaian seperti lelaki tetapi naluri dan seksual mereka masih sama seperti wanita. (Adibah et.al., 2017).

Fenomena pengkid bukanlah sesuatu yang baharu di Malaysia, namun menurut penulisan Zhooriyati & Intan (2015), kewujudan fenomena ini masih lagi dianggap golongan minoriti dalam kalangan masyarakat, sedangkan golongan pengkid ini secara jelasnya bertentangan dengan syarak, fitrah dan budaya dalam masyarakat. Menurut Hasmira (2017), walaupun golongan pengkid ini telah difatwakan sebagai 'haram' oleh *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-83, yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008*, namun isu ini masih lagi gagal dibendung dan golongan pengkid ini masih mengekalkan gaya hidup mereka yang songsang.

Golongan pengkid ini bukanlah hanya terdapat di Malaysia sahaja, bahkan di negara-negara luar juga mempunyai golongan seperti ini, malah ada negara contohnya seperti Amerika Syarikat Amerika, Kanada, Norway, Finland, Belgium, Denmark, United Kingdom, Finland, Belgium, Sepanyol, Belanda, Malta dan Portugalyang mengiktiraf golongan ini yang dikenali sebagai *LGBT* iaitu '*lesbian, gay, bisexual, and transgender*'. Negara-negara ini memberikan hak istimewa perkahwinan sejenis dan menyokong Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*UDHR*). Di peringkat global, golongan pengkid dikenali sebagai '*Lesbian Butch*' yang

membawa maksud wanita, terutamanya wanita *lesbian* atau *transgender*, yang mempunyai atau meniru identiti pakaian, gaya rambut, minat atau tingkah laku yang maskulin (Heidi, 2004).

Menurut Zhooriyati & Intan (2019) pula, di negara Barat, '*lesbian*' merangkumi dua golongan iaitu "*butch*" dan "*femme*". Istilah "*butch*" bermaksud '*lesbian*' yang membawa identiti kelelakian atau maskulin dan mereka meniru gaya lelaki dari segi perlakuan, percakapan, pemakaian dan sebagainya. Manakala istilah "*femme*" pula bermaksud *lesbian* yang bersifat kewanitaan atau feminin yang membawa identiti seperti wanita normal dan di negara ini kedua-dua golongan "*butch*" dan "*femme*" adalah berpasangan antara satu sama lain. Hubungan '*lesbian*' ini tidak dipengaruhi oleh perwatakan fizikal, pemakaian dan gaya maskulin yang mana lazimnya mereka yang mempunyai hubungan '*lesbian*' ini dilihat normal sama seperti wanita lain (Tan, 2005).

Berbeza pula dengan penggunaan istilah pengkid yang hanya merujuk kepada wanita yang berpewatakan seperti lelaki dan mempunyai naluri seperti seorang lelaki, dan melakukan hubungan sejenis dengan wanita (Ahmad et al., 2015).

Walaupun penggunaan istilah pengkid, *lesbian* dan *tomboy* merujuk kepada maksud yang berbeza tetapi ketiga-tiga golongan ini secara jelas melanggar norma, moral dan fitrah mereka sebagai seorang wanita. Walaupun begitu, di Malaysia isu yang melibatkan ketiga-tiga golongan ini masih lagi dilihat sebagai isu terpencil dan tidak begitu mendapat perhatian sebagaimana isu golongan '*maknyah*' sedangkan isu ini adalah isu yang berat dan semakin berleluasa di Malaysia. (Hasmira, 2017).

Melalui penulisan Adibah et.al., (2017), pengkid, *tomboy* dan *lesbian* merupakan penyakit kronik berkaitan kecelaruan jantina yang semakin berleluasa dalam masyarakat. Ketiga-tiga golongan ini jelasnya merupakan satu perbuatan songsang yang bertentangan dengan fitrah manusia. Kelakuan dan perwatakan seorang pengkid sebagai seorang lelaki dilihat berlawanan dengan norma biologi, moral dan sosial yang mereka miliki. Hal ini menunjukkan mereka yang terlibat dengan gejala pengkid, *tomboy* dan *lesbian* ini mungkin mengalami krisis kecelaruan identiti jantina.

Kedudukan Pengkid dalam Perundangan di Malaysia

Walaupun di Malaysia isu yang melibatkan golongan pengkid masih lagi dilihat sebagai isu terpencil, namun ia bukanlah bermakna tidak ada undang-undang yang boleh dikenakan ke atas perlakuan songsang ini. (Hasmira, 2017). Perlakuan pengkid atau hubungan sesama jenis merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang di Malaysia, tidak kira sama ada di bawah perundangan syariah mahu pun sivil.

Menurut perundangan syariah, perlakuan pengkid dan '*lesbian*' merupakan satu kesalahan di bawah jenayah syariah, peruntukan berkenaan kesalahan ini terdapat dalam semua akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri tetapi di bawah peruntukan yang berbeza. Berdasarkan kepada akta dan enakmen jenayah syariah negeri-negeri, perlakuan pengkid dan '*lesbian*' dirujuk sebagai '*Musahaqah*'. Irsyad Al-Fatwa siri ke-266 mentakrifkan perbuatan '*Musahaqah*' adalah perlakuan seks seorang wanita terhadap wanita yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan wanita.

Hampir semua negeri menggunakan istilah '*Musahaqah*' kecuali negeri Selangor dan Pahang yang meletakkan kesalahan pengkid dan '*lesbian*' di bawah peruntukan 'Hubungan jenis antara orang yang sama jantina' dan 'Perempuan berlagak seperti lelaki'. Semua peruntukan bagi

kesalahan berkaitan pengkid ini memperuntukkan paling maksima denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Perkembangan terkini memperlihatkan keseriusan negeri dalam menentukan kedudukan pengkid dalam perundangan syariah. Negeri Terengganu misalnya pada 1 Disember 2022 telah meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Pindaan) 2022 yang mana amalan sihir, bomoh dan perempuan berlagak seperti lelaki menjadi antara kesalahan jenayah syariah di Terengganu. (Utusan online, 1 Disember 2022).

Merujuk kepada kes yang diputuskan oleh Hakim di Mahkamah Syariah, sungguhpun hukuman maksimum bersifat 'ringan', didapati bahawa mahkamah tetap mengambil pendekatan untuk memberikan hukuman yang lebih rendah berdasarkan kuasa budi bicara kehakimannya. Sebagai contoh, pada 12 Ogos 2018, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah menjatuhkan hukuman denda RM3,300 dan enam sebatan ke atas dua wanita (kategori *lesbian*), atas sabitan terhadap pertuduhan cuba melakukan hubungan sejenis ketika ditahan dalam sebuah kereta. Hakim Syarie Kamalruazmi Ismail membuat keputusan tersebut berdasarkan ikrar ataupun pengakuan bersalah kedua-dua tertuduh berdasarkan peruntukan Seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang dibaca bersama Seksyen 59 (1) enakmen yang sama kerana *musahaqah*. Tiada hukuman penjara dikenakan ke atas pesalah-pesalah.

Kes *lesbian* yang dibicarakan dan seterusnya dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah Terengganu ini merupakan kes pertama yang melibatkan kesalahan seksual bagi golongan *lesbian*. Hukuman ke atas kedua-dua pesalah tersebut dilaksanakan pada 3 September 2018 di hadapan khalayak umum di dewan perbicaraan Mahkamah Syariah Terengganu. Pelaksanaan hukuman sebat ini mengundang banyak reaksi dan kritikan, khususnya daripada organisasi dan individu yang menyokong aliran liberalism. (Mohd Izzat et. Al., 2018)

Berdasarkan kepada kes ini, dapat dilihat bahawa sistem perundangan di Malaysia telah meletakkan perundangan Islam yang terdapat di setiap negeri-negeri di Malaysia ini terpakai kepada semua orang yang beragama Islam. Oleh yang demikian, telah dinyatakan secara jelas bahawa perbuatan pengkid dan *lesbian* ini merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri.

Walaupun perlakuan pengkid ini jelas merupakan satu kesalahan di bawah perundangan syariah namun hakikatnya kes berkaitan pengkid ini jarang dijumpai dalam laporan kes-kes kesalahan jenayah syariah. Merujuk kepada hasil dapatan kajian daripada penulisan Mahfudzah (2015) berkaitan '*Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender*' statistik kes tangkapan kesalahan '*Musahaqah*' oleh Pegawai Penguatkuasa Agama bagi seluruh negeri di Malaysia untuk tahun 2011 sehingga 2014 adalah kurang daripada dua puluh (20) kes sahaja. Jumlah ini menunjukkan kes berkaitan pengkid dan '*lesbian*' di bawah peruntukan perundangan syariah masih lagi terpencil jika dibandingkan dengan kes bagi kesalahan 'Orang lelaki berlagak seperti perempuan'.

Dapatan daripada analisis yang dilakukan, di bawah peruntukan jenayah syariah ini kebanyakan peruntukan adalah berkaitan kesalahan lelaki berpakaian dan berperwatakan seperti wanita, majoriti negeri hanya memperuntukkan kesalahan tersebut terhadap lelaki dan bukan terhadap wanita yang berpakaian dan berperwatakan seperti lelaki. Justeru, peruntukan-peruntukan yang ada ini perlu ditambah baik supaya ia tidak bersikap berat sebelah terhadap

satu jantina sahaja kerana realitinya, terdapat juga wanita yang berpakaian dan berperwatakan seperti lelaki. (Hariz Shah, 2021).

Manakala di bawah perundangan sivil pula, golongan pengkid dan 'lesbian' dikategorikan sebagai salah satu golongan LGBT iaitu '*Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender*'. (Mahfudzah, 2015). *Lesbian* merupakan satu sub-kategori utama di bawah kumpulan LGBT dan ia telah wujud sejak zaman kuno lagi. Istilah *lesbian* merujuk kepada kumpulan wanita yang tertarik secara seksual terhadap wanita lain. Manakala istilah *gay* pula merujuk kepada golongan lelaki yang melakukan hubungan seksual dengan pasangan yang sama jenis. Manakala, *bisexual* pula berbeza berbanding *gay* dan *lesbian* kerana golongan ini tertarik secara seksual dengan kedua-dua jantina, iaitu lelaki dan wanita. Walaupun secara zahirnya ketiga-tiga golongan ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza, namun mereka mempunyai persamaan dari segi pilihan orientasi seksual iaitu mereka mengamalkan orientasi seksual sesama jantina. (Zhooriyati & Intan, 2015).

Di Malaysia, istilah LGBT telah mula digunakan secara meluas pada era 80-90-an. Pergerakan mereka bertujuan untuk memperjuangkan homoseksual iaitu individu yang tertarik atau mempunyai kecenderungan seksual terhadap jantina yang sama. Oleh kerana bertentangan dengan orientasi seks yang normal, golongan LGBT ini adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat. Walaupun begitu, kumpulan ini secara aktifnya mempamerkan dan menzahirkan diri mereka sebagai satu usaha untuk menuntut hak-hak yang mereka yang kononnya tertindas dalam kehidupan sosial. Sebahagian masyarakat moden yang turut sama menyuarakan hak kebebasan berkenaan isu ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa mereka menyokong pergerakan menuntut hak-hak homoseksual dan mahu diiktiraf sebagai pejuang hak asasi manusia. (Khairul & Noor Hafizah, 2018).

Melihat kepada perkembangan yang merisaukan ini, Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke- 126 pada 13 Disember 1989 telah mengambil langkah pencegahan awal dengan memfatwakan LGBT sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup. Daripada pewartaan fatwa ini telah berjaya untuk menghalang mana-mana individu daripada membuat permohonan bagi menukar jantina pada dokumen pengenalan diri. (Mohd Izzat et. Al., 2018)

Menurut Mahfudzah (2015), gerakan pejuang LGBT merupakan satu gerakan diskriminasi bentuk baru atas nama hak asasi. Mereka menggunakan isu perjuangan Hak Asasi Manusia (HAM) untuk mempertahankan perbuatan mereka di sisi undang-undang. Walhal, tindakan golongan ini bukan sahaja mencemar kesucian agama Islam dan perundangan Malaysia, malah menggugat ketenteraman awam dan keamanan agama.

Namun begitu, sehingga kini masih tiada peruntukan yang khusus dalam undang-undang berkenaan dengan LGBT, peruntukan yang ada hanyalah menyentuh tentang perbuatan homoseksual dan perlakuan seksual di luar tabii yang merupakan satu kesalahan berdasarkan sistem perundangan di Malaysia. Merujuk kepada Kanun Keseksaan, seksyen 377A, 377B, 377C, 377CA dan 377D merupakan peruntukan undang-undang bagi kesalahan hubungan seks luar tabii'e. Seksyen 377A menyediakan hukuman bagi persetubuhan seks melalui dubur dan mulut. Memperlihatkan kepada seksyen 377B; iaitu perhubungan seks luar tabii secara sukarela dan 377A; iaitu perhubungan seks luar tabii secara paksa, menunjukkan bahawa perbuatan seksual luar tabii'e sememangnya diiktiraf sebagai satu jenayah di negara ini. (Mohd Izzat et.al., 2018)

Kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 377A-D tersebut memperuntukkan sesiapa yang didapati mengamalkan kegiatan di luar tabii boleh didakwa mengikut Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabii. (Mohamad Afandi, 2019).

Walaupun masih belum terdapat peruntukan yang khusus berkaitan LGBT di bawah perundangan sivil, perlakuan dan amalan LGBT sememangnya bertentangan dengan budaya, tradisi, kepercayaan dan agama di Malaysia. Perlakuan songsang ini masih boleh didakwa dan dihukum di bawah kesalahan jenayah undang-undang syariah dan undang-undang sivil di bawah peruntukan tertentu.

Menurut Mohd Izzat et.al., (2018) juga, walaupun terdapat perbezaan penguatkuasaan peruntukan berkaitan kesalahan LGBT ini, tetapi secara jelasnya dapat dilihat amalan LGBT sememangnya tidak pernah diiktiraf oleh mana-mana perundangan Malaysia. Perhubungan seks luar tabii tidak diterima sama sekali bahkan ianya merupakan suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Namun begitu, hukuman yang diperuntukkan di bawah perundangan jenayah syariah adalah jauh lebih rendah dan ringan berbanding perundangan sivil. Ini berpunca daripada kekangan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang membataskan bidangkuasa mahkamah syariah bagi perkara-perkara jenayah hanya penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan yang dihadkan maksimum sebanyak enam kali sahaja. Had hukuman tersebut, dilihat tidak lagi relevan kerana kali terakhir Akta 355 tersebut disemak, adalah pada tahun 1988 iaitu kira-kira 30 tahun dahulu. Justeru itu, untuk menjadikan perundangan syariah lebih efektif atau berkesan, khususnya bagi menangani permasalahan LGBT ini, Akta 355 ini dicadangkan untuk dipinda dengan memperluaskan had bidangkuasa jenayah mahkamah syariah.

Hukum dan Fatwa Pengkid di Malaysia

Syariat Islam telah menerangkan secara jelas tentang halal dan haram serta baik dan buruk sesuatu perkara. Ianya menjelaskan secara terperinci mengenai semua aspek kehidupan manusia termasuk batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan, cara berpakaian serta perwatakan yang sewajarnya. Perbuatan yang melampaui batasan agama seperti amalan pengkid sudah pasti mengundang pelbagai implikasi buruk di dalam masyarakat. Selain menipu identiti diri sebenar seorang perempuan, amalan pengkid boleh menyebabkan kekeliruan jantina dalam masyarakat. Perkara ini akan membawa kepada kesukaran wanita dan lelaki untuk mendapatkan pasangan yang betul sepertimana yang digariskan oleh syarak. Selain itu amalan songsang pengkid juga boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan sebuah perkahwinan sekiranya gejala ini tidak dibendung. (Adibah et.al., 2017).

Perbuatan wanita yang menyerupai seorang lelaki atau lelaki yang menyerupai wanita di dalam Bahasa Arab dikenali sebagai *tasyabbuh* yang mana secara literalnya bermaksud “*menyerupai, menyamai* atau *mencontohi*”. Manakala dari segi perbahasan fiqh pula ditakrifkan sebagai seorang lelaki yang menyerupai wanita atau seorang wanita yang menyerupai lelaki dalam perkara-perkara seperti pakaian, perhiasan, percakapan atau suara, gaya berjalan dan gerak badan mahupun mengubah bentuk fizikal badan. Hukum tasyabbuh adalah haram berdasarkan kepada hadis Nabi S.A.W dalam Sahih al-Bukhari, (Hadis riwayat al-Bukhari no.5546) yang bermaksud:

‘Rasulullah S.A.W. telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.’

Merujuk kepada Bayan Linnas Siri 5, Ibn al-Athir menjelaskan bahawa perkataan '*Al-Mutarajjilat*' daripada hadis ini bermaksud perempuan yang menyerupai lelaki dari segi pakaian dan keadaannya. Manakala '*Al-Mukhannath*' pula bermaksud lelaki yang menyerupai perempuan dan di dalam *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmizi* dinaqalkan kalam al-Imam al-Tabari yang mana tidak boleh bagi lelaki menyerupai wanita di dalam pemakaian dan perhiasan yang telah dikhaskan buat wanita dan begitulah sebaliknya. (Bayan Linnas, 2015)

Hadis perbuatan menyerupai lelaki atau wanita merupakan satu tegahan dan larangan supaya umat Islam tidak menyalahgunakan hak lelaki dan wanita seperti memakai perhiasan emas, perak dan sutera adalah harus bagi kaum wanita dan haram bagi kaum lelaki. Begitu juga dalam hal pemakaian, percakapan dan segala perbuatan yang dikhususkan untuk wanita adalah diharamkan bagi lelaki dan sebaliknya. Hikmah daripada pengharaman tersebut adalah tegahan daripada mengubah ciptaan Allah S.W.T yang melarang pemalsuan, penipuan dan menimbulkan sangkaan tidak benar dengan menganggap ciptaan Allah S.W.T tidak sempurna. Pengharaman dan laknat Rasulullah S.A.W. terhadap golongan pengkid kerana mereka cenderung untuk berkelakuan, berpakaian dan berpenampilan dengan lawan jenis. Laknat di dalam hadis ini bermaksud jauh dari rahmat Allah S.W.T dan perbuatan tersebut termasuk dalam kategori dosa-dosa besar (Nurul Ain & Abdul Basir, 2018 dan Adibah et.al. 2017).

Manakala dalam konteks pengkid pula, menurut istilah fiqh disebut sebagai *musahaqah*. Istilah '*musahaqah*' digunapakai bagi merujuk kepada wanita yang melakukan hubungan seksual dengan wanita lain (Adibah et al., 2017). '*Musahaqah*' merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu '*sahaqa*' yang membawa maksud 'lembut' dan 'halus'. Manakala '*Musahaqah*' seperti yang ditakrifkan oleh Irsyad Al-Fatwa siri ke 266 pula membawa maksud:-

“Seorang perempuan melakukan terhadap perempuan yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan perempuan/hubungan badan yang dilakukan oleh dua orang wanita sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Luth (Gay)”

Perbuatan atau perlakuan seorang wanita yang menjalinkan hubungan intim dengan seorang wanita hukumnya haram dan menyamai perbuatan zina di sisi syarak berdasarkan kepada Firman Allah S.W.T daripada surah al-Anbiya' ayat 74 yang bermaksud:-

“Dan kepada Nabi Luth, Kami berikan kebijaksanaan dan ilmu; dan Kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara yang keji; sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang jahat lagi fasik dan derhaka”.

Menurut Nurul Ain & Abdul Basir (2018), dalam tafsir *Mafatih al-Ghayb* karangan al-Razi (2000), beliau menjelaskan ayat ini merupakan kisah Nabi Luth a.s yang diselamatkan oleh Allah S.W.T daripada azab yang menimpa kaumnya yang berdosa. Kaum Nabi Luth a.s terkenal dengan kaum yang jahat dan fasik kerana mereka sangat suka melakukan perkara-perkara yang keji dan terkutuk secara terang-terangan termasuklah perbuatan homoseksual. Pengaplikasian ayat ini dalam isu pengkid dan '*lesbian*' adalah bersandarkan kepada amalan homoseksual yang sama sebagaimana yang berlaku pada zaman Nabi Luth a.s.

Selain itu, terdapat juga hadis Nabi S.A.W yang diriwayatkan daripada al-Baihaqi dari Abi Musa al-Asy'ari (r.a) yang lebih jelas menunjukkan larangan kepada perlakuan pengkid dan *lesbian* ini:-

“Apabila ada seorang lelaki yang mendatangi (berhubungan intim) dengan lelaki, maka keduanya telah berzina, dan apabila wanita mendatangi wanita maka keduanya telah berzina”.

Hubungan seksual seperti ini dianggap amalan terkutuk yang dilarang keras oleh agama Islam. Malah para ulama bersepakat mengatakan bahawa perlakuan pengkid dan *lesbian* adalah haram di sisi syarak perlakuan songsang ini secara jelasnya menentang fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. (Adibah et.al., 2017).

Sebagaimana yang ditakrifkan oleh para ulama, dari sudut perundangan syariah di Malaysia juga, hubungan pengkid atau lesbian dirujuk sebagai ‘*Musahaqah*’. Justeru, mana-mana wanita yang melakukan hubungan seksual dengan wanita lain boleh disabitkan sebagai satu kesalahan jenayah syariah di bawah peruntukan ‘*Musahaqah*’. Sebagai contoh, merujuk kepada Seksyen 26, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 yang memperuntukkan kesalahan ‘*Musahaqah*’:-

“Mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

Hubungan pengkid atau *lesbian* ini secara jelasnya adalah haram di sisi syarak dan merupakan satu kesalahan di bawah perundangan syariah, tidak ada alasan yang boleh menghalalkan perbuatan ini walaupun secara umumnya menganggap hubungan wanita sesama wanita tidaklah seperti melakukan perbuatan zina di antara lelaki dan perempuan tetapi hakikatnya hukumnya adalah sama.

Pengharaman perlakuan pengkid di Malaysia bukan hanya merujuk kepada kesalahan dari sudut perundangan syariah sahaja, bahkan di peringkat Negara, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-83, yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 juga telah memutuskan bahawa pengkid adalah haram di sisi agama Islam.

Perlakuan pengkid ini disifatkan sebagai perlakuan yang berlawanan dengan fitrah yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T. Walaupun hukum Islam jelas melarang perlakuan wanita menyerupai lelaki atau lelaki menyerupai wanita, tetapi kebanyakan umat Islam tidak memandang serius larangan tersebut. Justeru melihat kepada faktor-faktor ini yang membawa kepada kemudharatan kepada masyarakat Islam khususnya golongan belia, perlakuan pengkid difatwakan sebagai Haram oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Hukum haram daripada fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa ini bukanlah sekadar hukum yang mengikut logik akal semata-mata tetapi ia adalah asas sandaran dan sumber yang muktamad daripada al-Quran, al-Sunnah, qiyas dan juga ijma’. Masyarakat Islam perlulah menghormati dan mematuhi apa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa kerana apa yang telah diputuskan sebagai fatwa adalah berpandukan kepada nas syarak yang sarih lagi nyata. (Dr. Datuk Dr. Zulkifli, 2015)

Selain itu semua negeri, melalui mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri juga telah memutuskan bahawa pengkid adalah haram walaupun terdapat yang belum mewartakannya lagi. Ia dirumuskan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Fatwa Pengkid Diwartakan

| Bil. | Negeri | Tarikh Fatwa Dikeluarkan | Kandungan Fatwa |
|------|---------------------|--------------------------|---|
| 1 | Perak | 2010 | <p>i. Pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki, dan lelaki yang menyerupai wanita, (mak nyah/pondan) sama ada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah HARAM di sisi Islam.</p> <p>ii. Ibu bapa dan masyarakat Islam hendaklah memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan, tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak mereka khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah".</p> |
| 2 | Wilayah Persekutuan | 18 Mac 2009 | <p>i. Dalam istilah moden, wanita yang berlagak sebagai lelaki adalah lebih dikenali dengan gelaran pengkid. Istilah ini merujuk kepada perempuan yang berpakaian, berpenampilan dan berpewatakan seperti lelaki, dan mempunyai minat atau naluri seksual terhadap kaum sejenis.</p> <p>ii. Mereka cuba untuk menonjolkan identiti jantina berlawanan dengan norma biologi, moral dan sosial kewanitaan yang mereka miliki. Perbuatan wanita menyerupai lelaki atau berlagak sebagai lelaki adalah haram, bahkan berdosa besar berdasarkan dalil yang melaknat orang yang melakukannya.</p> |
| 3 | Kedah | 26/4/2020 | Bahawa pengkid, wanita dengan imej penampilan dan berperwatakan seperti lelaki adalah haram di sisi Islam. |
| 4 | Johor | 3/12/2008 | Pengkid iaitu wanita yang berpenampilan seperti lelaki dan melakukan hubungan sejenis sesama mereka adalah haram di sisi Islam |
| 5 | Pulau Pinang | 22/1/2009 | <p>i. Bahawa pengkid iaitu wanita yang mempunyai penampilan dan gerak laku serta memiliki kecenderungan naluri seksual seperti lelaki. Pemakaian budaya pengkid adalah haram di sisi Islam. Pengharaman ini juga meliputi orang lelaki yang mempunyai penampilan dan gerak laku menyerupai orang perempuan.</p> <p>ii. Oleh yang demikian, ibu bapa serta masyarakat Islam digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.</p> |
| 6 | Terengganu | 6/1/2011 | Pengkid, iaitu wanita yang berketerampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam. |

| | | | |
|---|--------|--------------------|---|
| 7 | Melaka | 22-24 Oktober 2008 | <p>i. Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.</p> <p>ii. Ibu bapa dan masyarakat Islam digesa agar memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.</p> |
|---|--------|--------------------|---|

Jadual 2: Fatwa Pengkid Tidak Diwartakan

| Bil. | Negeri | Tarikh | Fatwa |
|------|-----------------|------------------|---|
| 1 | Negeri Sembilan | 30/4/2013 | Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama. |
| 2 | Perlis | 23-24/6/2021 | <p>i. Golongan lelaki menyerupai wanita, seperti mak nyah atau transgender, diharamkan daripada memasuki masjid ketika "dalam kecelaruan jantina".</p> <p>ii. Fatwa tersebut merangkumi kalangan mak nyah, pengkid, tomboi dan juga transgender bagi kedua-dua jantina.</p> |
| 3 | Kelantan | 14/12/2008 | Wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam. Begitu juga lelaki yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti perempuan adalah haram di sisi Islam. |
| 4 | Pahang | 26/12/2008 | Pengkid adalah haram dan pengamal hendaklah bertaubat dan kembali kepada fitrah asal kejadian. Hubungan sesama jenis adalah haram kerana bertentangan dengan sunnah Allah S.W.T. |
| 5 | Sabah | 13 – 14 Mei 2009 | <p>i. Bahawa pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.</p> <p>ii. Ibubapa dan masyarakat Islam digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan <i>sunnatullah</i>.</p> |
| 6 | Sarawak | 27/11/2008 | <p>i. Bahawa Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.</p> <p>ii. Ibu bapa dan masyarakat Islam juga digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan <i>sunnatullah</i>."</p> |
| 7 | Selangor | 18/3/2009 | Pengkid, iaitu wanita Islam yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam. |

Berdasarkan kepada fatwa berkaitan pengkid sebagaimana dalam jadual di atas, tujuh negeri sahaja telahewartakan fatwa berkaitan manakala tujuh lagi belum mewartakannya lagi. Pewartaan fatwa di negeri yang disenaraikan dalam jadual ini adalah mengikat orang Islam di mana fatwa tersebut diwartakan. Berbeza dengan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, ianya tidak mengikat mana-mana negeri dan anggota jawatankuasanya kerana tidak ada perundangan yang jelas yang memperuntukkan perkara tersebut. Keputusan fatwa hanya boleh dikuatkuasakan sekiranya fatwa yang diputuskan diwartakan oleh negeri sebagai undang-undang. (Muhammad & Jasni, 2017). Justeru, bagi negeri yang tidak mewartakan fatwa pengkid tidak boleh menguatkuasakannya sebagai undang-undang di negeri tersebut.

Merujuk kepada penulisan Nurul Ain & Abdul Basir (2018), terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh Ahli Jawatankuasa Fatwa Islam di seluruh dunia dalam menentukan hukum pengkid dan mak nyah:-

i. تابع التابع

Kaedah fiqh *al-tabi' - tabi'* dalam isu ini bermaksud seluruh perbuatan yang melibatkan hubungan sesama jenis adalah haram di sisi syarak. Tidak kira sama ada hubungan itu *lesbian, gay, biseksual* atau *transeksual*. Kesemuanya termasuk dalam hubungan homoseksual yang diputuskan haram oleh semua Ahli Jawatankuasa Fatwa Islam seluruh dunia bahkan golongan yang seperti ini dilaknat oleh Allah S.W.T dan Rasul-Nya.

ii. فسخه من بد ولا عليه العقد يجر لم : به التحريم ورد ما

Setiap yang dinyatakan haram itu, tidak boleh dibuat akad (apa-apa transaksi atau urusan). Maka urusan tersebut mesti dibatalkan. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala urusan berkenaan hubungan sesama jenis menyebabkan hal berkaitan syarak dan hukum. Sebagai contoh perkahwinan sesama jenis adalah tidak sah dari segi syarak kerana ia akan menyentuh isu perwalian dan permbahagian harta pusaka.

iii. نص أحدهما حرمة ما معنى في يكون أو والسنة؛ الكتاب حرمة ما الحرام إنما عليه.

Sesuatu pengharaman itu dibuat berdasarkan apa yang diharamkan oleh al-Quran dan al-sunnah atau dengan erti kata lain sesuatu yang diharamkan oleh salah satu darinya dan hukum yang dikatakan haram itu mestilah ternyata ada di dalam nas. Semua orang Islam mesti menerima apa sahaja yang diputuskan oleh kedua-dua sumber ini dan bukan hanya menerima berdasarkan daripada satu sumber sahaja.

Walaupun, pengharaman perlakuan pengkid tidak disebut secara terang di dalam al-Quran, ia tidaklah bermakna perlakuan pengkid ini halal di sisi agama. Justeru, para ulama' bersepakat menggunakan kaedah fiqh yang tertentu untuk mengeluarkan hukum berkenaan pengkid ini dengan berkiaskan kepada sumber hadis yang ada.

Hukum dalam syariat Islam terbahagi kepada yang jelas dan hukum yang tidak jelas. Hukum yang jelas termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah secara terang, sememangnya tidak boleh disangkal oleh manusia dan hukum tersebut kekal hingga kiamat. Manakala bagi hukum yang tidak jelas pula, seperti hukum pengkid ini, maka di sini perlunya kepada fatwa atau ijtihad sebagai panduan bagi memudahkan umat Islam.

Konsep fatwa dan Ijtihad dalam ilmu usul al-Fiqh merupakan perkara penting dalam kaedah berfatwa yang menjadi asas dan tunjang utama kelayakan seseorang mufti. Fatwa adalah satu pandangan atau keputusan sama ada peribadi atau yang dihasilkan oleh sekumpulan mujtahid ke atas sesuatu hukum syarak. Ketepatan sesuatu fatwa amat bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunapakai dan keselariannya dengan maqasid al-syariah. (Muhammad & Jasni, 2017). Walaubagaimana pun, fatwa hanyalah boleh berfungsi sebagai satu panduan dan bukan semua fatwa yang dikeluarkan oleh majlis jawatankuasa fatwa boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang.

Penguatkuasaan fatwa di Malaysia, menurut peruntukan di dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam, suatu keputusan yang dibuat tidak dikatakan sebagai fatwa sekiranya ia dikeluarkan tidak mengikut prosedur atau acara yang ditetapkan, dikeluarkan oleh orang atau jawatankuasa yang diberi kuasa dan disiarkan di dalam Warta. Setelah fatwa itu di siarkan di dalam Warta, barulah boleh dikuatkuasakan. (Zaini Nasohah, 2005).

Selain itu, oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara Agama terletak di bawah bidang kuasa negeri, maka sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri tertentu hanya mengikat orang yang tinggal di negeri di mana fatwa tersebut dikeluarkan. Seksyen 34 (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan misalnya menyebut:

“Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi”.

Justeru, hanya fatwa yang diwartakan sahaja boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang. Itupun hanya terbatas di dalam kawasan sempadan negeri yang mewartakan fatwa tersebut. Sekiranya kesalahan dilakukan di luar sempadan negeri di mana fatwa tersebut diwartakan, tindakan undang-undang berkenaan tidak boleh diambil kepada pelaku tersebut. (Zaini Nasohah, 2005)

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada fatwa-fatwa berkenaan pengkid yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri-negeri, bahawa kesemua negeri mengeluarkan fatwa pengharaman pengkid dan baharu tujuh negeri yang mewartakannya.

Ini jelas menunjukkan bahawa sehingga hari ini masih belum wujud penyelarasan dan penyeragaman fatwa di negara ini. Walaupun terdapat keputusan fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, namun ianya tetap perlu diwartakan mengikut negeri masing-masing bagi membolehkannya berkuatkuasa sebagai fatwa menurut undang-undang di negeri tersebut (Mohd et.al, 2021).

Ketidakselarasan dan ketidakseragaman fatwa pengkid ini boleh menyumbang kepada kekeliruan dalam masyarakat. Adalah sukar bagi masyarakat untuk memahami perbezaan fatwa yang diwartakan dan tidak diwartakan serta penguatkuasaannya menurut undang-undang. Justeru, pihak berwajib perlu memikirkan kaedah terbaik untuk mendidik masyarakat supaya mereka mempunyai pengetahuan yang jelas dalam perkara ini.

Bukan itu sahaja, bahkan keperluan kepada penyatuan pandangan dan penyeragamannya dalam kalangan umat Islam dilihat sebagai sesuatu yang sangat penting. Penyatuan dan penyeragaman fatwa dapat mengelak sikap ekstrem, mewujudkan perpaduan dan kestabilan, malah memastikan undang-undang dapat dilaksanakan dengan konsisten dan adil (Muhammad & Jasni, 2017).

Selain itu, fatwa berkaitan pengkid juga perlu dikuatkuasakan dengan serius supaya fungsi keperluan fatwa dilihat sebagai satu medium rujukan serta panduan yang penting dalam agama Islam. Melalui usaha ini, masyarakat akan merujuk setiap fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berwajib dan fatwa akan lebih dihormati, dipatuhi seterusnya diletakkan di kedudukan yang sewajarnya.

RUJUKAN

- Adibah Abdul Rahim, Maryam Adawiyah Dzul kifli, Rohaiza Rokis. (2017). Persepsi masyarakat terhadap Pengkid di Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. ISSN: 2462-1951.
- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. (2015). Faktor dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, Volume 10, No. 1, 1-15.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Riwayat al-Bukhari (5886 & 6834), Abu Daud (4953) & al-Tirmizi (2785)
- Hasmira Binti Mokhtar. (2017). Pembelajaran Transformasi Dalam Kalangan Golongan Pengkid Dewasa Beragama Islam Di Kuala Lumpur. Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia.
- Heidi M. Levitt & Katherine R. Hiestand. (2004). A Quest for Authenticity: Contemporary Butch Gender. *Sex Roles*, Vol. 50, Nos. 9/10, May 2004 (C ° 2004).
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-266: Musahaqah (Lesbian) dan Hukum Berkaitan.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008.
- Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 5/1434H yang bersidang pada 30 April 2013.
- Keputusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil 4/2008 telah bersidang pada 26 Disember 2008.
- Keputusan Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 14 Dis 2008.
- Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 5 Zulhijjah 1429H bersamaan 3 Disember 2008.

- Keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke Lima Belas, yang bersidang pada 29 Zulkaedah 1429H/ 27 November 2008.
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-1/2009 yang bersidang pada 18 Mac 2009.
- Khairul Hamimah bin Mohammad Jodi & Noor Hafizah bt Mohd Haridi. (2018). Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah. *International Seminar on Human Development (Is-Hud'18)*, 22 November 2018, Academy of Islamic Studies University of Malaya.
- Mahfudzah Mohamad. (2015). *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah*. 19 JUUM 29 – 36.
- Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT Di Malaysia: Isu Dan Cadangan Penyelesaian. *Journal of Law & Governance*. Volume 2 (No. 1) 2019: 51-65.
- Mohammad Hariz Shah bin Mohammad Hazim Shah & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Penambahbaikan Undang undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan. Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya. Sains Insani eISSN: [0127-7871].
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhammad Syahlan Shafie, Hisham Hanapi, Fareed Mohd Hassan. (2018). Salah Laku Lgbt Dalam Perundangan Malaysia: Undang-undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 13*. Issue 1 (2018) 19-34.
- Muhammad Fathullah Al Haq bin Muhamad Asni & Jasni bin Sulong. (2017). Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, Volume 9. 201- eISSN:0127-8886.
- Mohd. Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Nursafra Mohd. Zhaffar & Sirajuddin Suhaimee. (2021). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Penyeragaman Dan Penyelarasan Fatwa di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 269–286.
- Nurul Ain & Abdul Basir. (2018). Penghujahan Fatwa Berdasarkan Ayat Hukum Dan Kaedah Fiqh Dalam Isu Pengkid Dan Mak Nyah (Analisis Terhadap Fatwa Negeri Pulau Pinang). *At-Tahkim*, Vol. 8, No. 02 .8. 2018 ISSN No. 2541-3856.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhari, Muhaqqiq Dr. Mustafa, Muhaqqiq Dr. Mustafa Dib al-Bugha, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Libas, Bab al-Mutasyabbihin bi al-Nisa' wa al Mutasyabbihat bi al-Rijal, Juz. 5, no. Hadis 5546.
- Zaini Nasohah. (2005). Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Islamiyyat 27 (1)*. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhooriyati Sehu Mohd & Intan Hashimah Mohd Hashim. (2015). Hubungan Interpersonal Golongan 'Pengkid' di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 18 (Jun) 2015: 97–116.